

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]
TARIKH : 19.6.2014
SOALAN :

Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Hadiah Kenaikan Gaji (HKG) kepada guru-guru yang baru dilantik yang mempunyai Ijazah Sarjana dan PHD.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 40 Tahun 2013 telah melaksanakan penetapan gaji permulaan lantikan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 berdasarkan kelayakan akademik sama ada Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah bagi PPP yang dilantik mulai 1 Januari 2014. Pemilik Ijazah Sarjana Muda akan diberi gaji permulaan RM2,222.94, Sarjana RM2,733.98 dan Doktor Falsafah RM3,040.60.

Pekeliling Perkhidmatan ini tidak memperuntukkan pemberian Hadiah Kenaikan Gaji (HKG) kepada pegawai-pegawai dalam perkhidmatan yang memiliki Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah kerana Pekeliling Perkhidmatan tersebut telahpun menetapkan gaji permulaan berdasarkan kelayakan akademik masing-masing.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 19 Jun 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan kereta api laju daripada Kelantan ke Kuala Lumpur.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, belum ada lagi perancangan untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan keretapi laju daripada Kelantan ke Kuala Lumpur
2. Walaubagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur telah mengenal pasti Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sebagai salah satu projek infrastruktur penting bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Projek ini dilihat akan menjadi pemangkin mempercepatkan pembangunan industri di ECER yang merangkumi negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor.
3. Status projek pada masa ini ialah ia masih di peringkat kajian daya maju (*viability*).

Sekian, terima kasih.